

**ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG 2004**

**KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE
(NEGERI PULAU PINANG) 1997**

**BORANG 1
(Kaedah 10 dan 26)**

**BORANG PERMOHONAN UNTUK DILANTIK SEBAGAI
PEGUAM SYARIE**

*** Permohonan Baru / Pembaharuan**

(Hendaklah diisi dalam *dua salinan* dan HURUF BESAR)

Pengerusi
Jawatankuasa Peguam Syarie
Negeri Pulau Pinang

1. Dengan hormatnya saya memohon untuk dilantik sebagai Peguam Syarie dan di bawah ini dikemukakan butir-butir mengenai diri saya :-
 - a. Nama:.....
 - b. Jantina:.....
 - c. Tarikh Lahir:.....
 - d. Tempat Lahir:.....
 - e. Bujang/Berkahwin:.....
 - f. Kewarganegaraan:.....
 - g. Agama:.....
 - h. No. K/P (baru & lama):.....
(*Sila lampirkan salinan K/P untuk permohonan baru*)
 - i. Tempat & Tarikh Pengeluaran K/P:.....
 - j. Alamat Urusan Biasa:.....
.....
 - k. No. Tel & E-mail :.....
 - l. Kelayakan dan Kelulusan:.....
.....
(*Sila lampirkan 2 salinan sijil-sijil kelayakan bagi permohonan baru*)
 - m. * Telah / Belum menjalani latihan dalam kamar.

* Potong mana yang tidak berkenaan.

2. Saya mengaku bahawa segala maklumat yang beri di atas adalah benar.
3. Saya juga mengaku bahawa saya:-
 - (a) Tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah (dibawah mana-mana undang-undang bertulis) yang menjadikan saya tidak layak menjadi seorang Peguam Syarie, khususnya tetapi tidak terhad kepada, sesuatu kesalahan berkenaan dengan penipuan dan kecurangan; atau
 - (b) Bukan sedang menjadi bankrap; atau
 - (c) Tidak pernah didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang disebutkan dalam paragraf 33(6), (a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967.

Tarikh:.....

Tandatangan:.....

** Setiap permohonan hendaklah disokong oleh dua orang penyokong yang mana hendaklah terdiri daripada mereka yang berikut:-

Peguam Syarie, Peguambela atau Peguamcara yang berdaftar di bawah Akta Profesion Undang-undang, 1976, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen atau Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Profesional dan Pengurusan (Kumpulan A).

**SYARAT-SYARAT / KELAYAKAN PEGUAM SYARIE
KAEDAH 9, KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE
(NEGERI PULAU PINANG 1997)**

1. Mana-mana orang yang memenuhi syarat-syarat yang berikut adalah layak untuk dilantik menjadi Peguam Syarie: *Kelayakan
Peguam Syarie*
- (a) Seorang Pegawai Undang-Undang Kerajaan Persekutuan;
 - (b) Seorang Pengamal Undang-Undang yang memiliki sijil yang sah dikeluarkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976; atau *Akta 166*
 - (c) Seseorang yang telah mencapai umur 21 tahun; dan
 - (d) Seseorang yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh MAINPP dari mana-mana Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan; dan
 - (e)
 - (i) Telah mendapat latihan profesional yang diiktiraf oleh MAINPP di dalam bidang kehakiman Islam; atau
 - (ii) Berkemahiran dalam Hukum Syarak; dan
 - (f) Berkelakuan baik; dan
 - (i) Tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah (di bawah mana-mana undang-undang bertulis) yang menjadikannya tidak layak menjadi seorang Peguam Syarie); atau
 - (ii) Tidak pernah dihukum menjadi seorang bankrap; atau
 - (iii) Tidak pernah didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dinyatakan dalam paragraf 33(6), (a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta kebangkrapan 1976; dan *Akta 55*
 - (g) Seorang warganegara Malaysia.